



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN AIR TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA
PROGRAM RESTORASI, TEBUS GUNA DAN REHABILITASI
MELALUI PENANAMAN POKOK DI KOLAM TADAHAN,
TAMAN BANDAR BOTANIK, KLANG, SELANGOR**

5 JANUARI 2020

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah menganjurkan Program Restorasi, Tebus Guna dan Rehabilitasi Melalui Penanaman Pokok di Kolam Tadahan, Taman Bandar Botanik, Klang, Selangor pada 5 Januari 2020.

2. Program ini antara lain bertujuan untuk memperindah dan menghidupkan kawasan persekitaran Kolam Tadahan Taman Bandar Botanik, Klang, Selangor dengan pokok-pokok yang bersesuaian. Ia merupakan salah satu usaha Kementerian untuk melaksanakan kempen secara berterusan bagi menyemai sikap tanggungjawab dan cintakan kehijauan dan alam sekitar. Selain itu, ia juga bertujuan memberikan kesedaran mengenai kepentingan kawasan hutan bandar yang boleh meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat terutamanya sebagai kawasan riadah serta bagi mengawal iklim mikro, pembebasan gas oksigen, penyerapan gas bukan organik dan organik, meningkatkan kepelbagaian biologi setempat dan pelbagai lagi impak positif yang lain.

3. Program ini juga bertujuan untuk mempromosikan pokok Merbau sebagai Pokok Kebangsaan di mana pengiktirafan pokok Merbau (*Intsia palembanica*) sebagai pokok Kebangsaan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bersempena dengan Majlis Perasmian Pameran 'Hutan Kita' yang telah diadakan di Menara Kuala Lumpur pada 23 Ogos 2019.

4. Sebanyak 140 pokok daripada 36 spesies pokok hutan telah ditanam di sekitar kawasan Kolam Tadahan ini antara lainnya Pokok Merbau, Keruing neram, Meranti melantai, Penaga lilin, Bungor, Tampoi dan Tualang. Hampir kesemua daripada pokok-pokok yang ditanam ini adalah pokok-pokok yang dipamerkan dalam Pameran 'Hutan Kita'. Pokok-pokok ini telah dipindahkan secara sementara ke Tapak Semaian Pusat Latihan Perhutanan Sungai Buloh selepas Pameran Hutan tamat dan dipindahkan ke Kolam Tadahan Taman Bandar Botanik untuk ditanam pada hari ini.

5. Pokok-pokok ini merupakan pokok-pokok hutan yang ikonik di seluruh negara dan mempunyai keunikan tersendiri yang perlu dihayati. Dalam jangka masa panjang, pokok-pokok yang ditanam ini boleh menjadi teduhan kepada pengunjung kawasan ini serta menambah nilai kekayaan ekologi dan kepelbagaian biodiversiti di kawasan ini.

KEMENTERIAN AIR TANAH DAN SUMBER ASLI
5 JANUARI 2020